

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]****NO. SOALAN : 344**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah Rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 dan bilangan rumah yang telah dibaik pulih bagi tempoh yang sama di Parlimen Tenom.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 2016 sehingga 2018, sebanyak 378 unit iaitu 108 unit bina baharu dan 270 unit baik pulih rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PPRT, SPKR) telah dilaksanakan di Parlimen Tenom. Jumlah peruntukan yang terlibat sepanjang tempoh tersebut adalah berjumlah RM10,074,000.

Berikut adalah perincian bagi projek PPRT di kawasan Parlimen Tenom mengikut DUN bagi tahun 2016 sehingga 2018:

TAHUN	DUN			
	MELALAP		KEMABONG	
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU	BAIK PULIH
2016	35	45	20	65
2017	15	45	10	20
2018	23	45	5	50
JUMLAH	73	135	35	135